



D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R

“Lesenkan Penjaja” - PM

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia menggesa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengeluarkan lebih banyak lesen-lesen penjaja memandangkan bilangan penganggur dan golongan yang berpendapatan rendah dalam populasi di negara kita semakin meningkat.

Beliau berkata, kemiskinan di dalam bandar boleh dibendung jika golongan miskin ini diberikan peluang pekerjaan. Mereka yang ikhlas untuk mencari nafkah dan meneruskan kehidupan di bandar perlu diberi peluang untuk berkerja sendiri, termasuklah sebagai penjaja dan peniaga kecil-kecilan.

Beliau turut menambah bahawa penjaja mampu untuk hidup senang dan mereka perlu diberikan satu tempat yang sesuai seperti medan/pusat makan yang lengkap dengan kemudahan, diberikan lesen dan permit untuk mengendalikan perniagaan yang sah di sisi undang-undang.

Pusat penjaja ini beliau berkata, perlu besar, bersih dan cantik agar dapat menarik minat orang ramai untuk mengunjungi gerai-gerai tersebut.

Dengan memberikan peluang kepada golongan miskin untuk meningkatkan mutu kehidupan, ini boleh membantu mereka untuk membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Perdana Menteri telah menggesa DBKL dan lain-lain Pihak Berkuasa dan Perbandaran untuk memberikan perhatian kepada permasalahan ini dan memastikan apakah status setiap penjaja yang berjaja di dalam kawasan mereka dan berapakah bilangan yang menjaja secara haram.

“Berikan mereka lesen segera, namun pastikan semua proses ini dilakukan mengikut undang-undang dan peraturan yang sepatutnya dan mereka perlu sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa,” tambah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi lagi.

Beliau telah menyampaikan ucapan tersebut di majlis pembukaan seminar kebangsaan mengenai “Kemiskinan di Bandar dan Keluarga Berpendapatan Rendah” (Urban Poor and Low-Income Families: Towards the Ninth Malaysian Plan) yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Sementara itu, YB Datuk Seri Ong Kah

Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah mengalu-alukan gesaan Perdana Menteri Malaysia dan menyatakan bahawa dengan hanya menyediakan tempat yang sesuai tidak mencukupi untuk membantu warga miskin ini.

Datuk Ong berkata, Pihak Berkuasa Tempatan perlulah memastikan tempat-tempat yang diberikan adalah strategik, di mana kemudahan seperti tempat meletak kereta turut disediakan serta kebersihan kawasan tersebut turut diselenggara.

Beliau turut menambah bahawa usaha Kerajaan untuk mengawal kemiskinan di dalam bandar merupakan satu rancangan yang bernas, dan untuk memastikan usaha tersebut boleh dicapai, Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuka minda dan keluar dari takuk lama.

Di masa yang lalu, Pihak Berkuasa Tempatan mungkin beranggapan bahawa lesen penjaan dikeluarkan untuk membolehkan penjaja menjalankan operasi mereka di dalam kawasan pentadbiran mereka. Jumlah lesen yang dikeluarkan dirasakan telah mencukupi memandangkan bilangan penjaja di kawasan mereka semakin meningkat, dan itulah yang menjadi punca mereka menghadkan dan menghentikan pengeluaran lesen kepada orang ramai.

Untuk tidak meletakkan had pengeluaran lesen, Pihak Berkuasa Tempatan perlulah lebih kreatif dalam menyediakan tempat-tempat baru untuk penjaja. Datuk Ong turut berkata dengan adanya 144 PBT dalam Malaysia, tentu bukan satu masalah untuk mewujudkan lebih banyak gerai-gerai, terutamanya di dalam kawasan bandar.

Sehingga akhir 2004, Kuala Lumpur telah mengeluarkan sebanyak 47,950 lesen kepada penjaja-penjaja yang beroperasi di sekitar Kuala Lumpur. Turut dianggarkan, seramai 4,000 penjaja haram menjalankan operasi mereka di sekitar Kuala Lumpur.

Dari Meja Datuk Bandar



Bergerak seiring dengan zaman...

Memanjangkan waktu operasi kompleks-komplek sukan dan penggunaan kemudahan-kemudahan yang

ada kepada golongan belia dan remaja hingga jam 3:00 pagi merupakan satu anyakan paradigma dalam corak pemikiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dewasa ini, ramai daripada golongan belia dan anak-anak remaja kita didapati merayap, melepak dan menghabiskan masa mereka di Dataran Merdeka mahupun di kedai-kedai mamak hingga ke subuh, sama ada berborak yang entah apa-apa bersama rakan-rakan atau terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak langsung mendatangkan faedah.

Boleh dikatakan, kebanyakan remaja yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti kutu embun ini tidaklah berduit dan tidak mampu untuk menghabiskan masa mereka dengan mengunjungi kelab-kelab malam, disko atau pusat karaoke yang mengenakan bayaran masuk yang agak mahal. Ada antara mereka pula terlibat dengan lumba haram atau perkara-perkara lain yang menyalahi undang-undang dan memungkinan sebarang kemalangan.

Kehidupan di dalam rumah yang sempit dan mempunyai suasana yang tidak membina, belia dan anak-anak muda ini tidak selesa untuk menghabiskan masa mereka bersama keluarga

di rumah. Maka, mereka lebih gemar menghabiskan masa di luar bersama teman-teman dan hanya menghabiskan masa di rumah mereka sebagai tempat tidur.

Memanfaatkan masa-masa masalah sosial terutama di kalangan remaja ini semakin merisaukan, pihak DBKL mengambil keputusan untuk mengarahkan belia dan remaja ini disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah dan selamat seperti sukan dan permainan, yang mana mereka boleh juga menghabiskan masa mereka daripada terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat.

Dengan membuka dan memanjangkan masa operasi kompleks-komplek sukan di bawah jagaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hingga 3:00 pagi dan dengan kadar sewa yang rendah, adalah diharapkan agar golongan belia dan remaja akan menggunakan sebaik-baiknya kompleks-komplek sukan tersebut.

DBKL akan membuka gelanggang-gelanggang futsal, badminton, sepak takraw, bola tampar, bola keranjang serta lain-lain gelanggang sukan/permainan dan mengalu-alukan golongan belia dan remaja untuk memanfaatkan masa mereka di sini.

Jika masih ada keperluan yang diinginkan, DBKL akan cuba memenuhi permintaan dan kehendak mereka jika didapati wajar.

Dengan usaha ini, diharap golongan belia dan remaja di Kuala Lumpur akan menggunakan kemudahan yang disediakan khas untuk mereka di samping dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral atau mengunjungi tempat-tempat yang tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada mereka.

Langganan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang-orang asing. Pundangan anda mengenai perkhidmatan DBKL boleh disampaikan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mail: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9013 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh Bin Yusup Editor: Hanim Binti Hj. Hashim Sub-Editor: Suriyana Binti Ismail Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor

From the Mayor's Desk

Moving with the times

Opening up the City Hall Sports Complexes and its facilities to our youths and teenagers until 3.00 a.m. in the morning is a paradigm shift in the thinking of City Hall.

Currently, most of our youth are found loitering or spending their time at Merdeka Square or at mamak stalls until the wee hours of the morning, engaged in idle talk and unproductive activities that in no way benefits them.

Most of these youth are not financially well off and cannot afford the luxury of passing away their time in clubs, discos or karaoke lounges. On the other hand, some get involved in illegal racing, violating the law and some times get injured in the process.

Living in cramped quarters and low cost housing, they find it uncomfortable to stay with their parents and other siblings. Thus, their presence in these outdoor places, where they while away their time, and only go back home to sleep.

Having considered this social problem seriously, we have decided that the energy of these youth and teenagers can be channelled to productive, healthy and safe pursuits like sports and games, where they can keep themselves gainfully occupied.

With the opening of City Hall's games and sports facilities at an affordable fee to these sector of our youthful population until 3.00 a.m., it is hoped that they will patronise the sports complexes and play games in a safe and secure environment.

City Hall will open its futsal, badminton, sepak takraw, volleyball, basketball and other indoor facilities and invite youth to utilise them.

Should they need any other support facilities, City Hall will look into it to accommodate their wishes if found to be reasonable and implementable.

With this move, it is hoped that the City's youth and teenagers will come forward and utilise these facilities rather than frequent undesirable place that bring no good or benefit to them.

EDITORIAL BOARD

Advisory Panel: Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan, Editor in Chief; Tuan Hj. Salleh bin Yusoff, Editor; Hanim Binti Hj. Hashim, Sub-Editor; Suriyana Binti Ismail, Non-Editor; Abdu Rhani Bin Md. Shohor, Editor's Address Kuala Lumpur, City News, Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, KL Tel : 03 2617 9013 Fax: 03 2694 1373 e-mail : akhbar@dbkl.gov.my